



## OSS Jimat Kos Pelajar dan Universiti



*Dekan FSKTM menyampaikan ucapan perasmian program Open Source Day.*

**SERDANG, 25 Feb** – Perisian Sumber Terbuka (OSS) dapat menjimatkan kos pelajar dan universiti kerana menawarkan pakej harga murah dan percuma berbanding perisian proprietary (berlesen).

Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Prof. Madya Dr. Abdul Azim Abd Ghani berkata fakulti menanggung kos yang tinggi untuk membuka sebuah makmal komputer kerana harga perisian proprietary mencecah sehingga RM 250 ribu setahun.

“Saya berharap para pelajar dapat mengambil kesempatan daripada bengkel sempena Open Source Day untuk meningkatkan pengetahuan kerana selama ini ramai yang tidak tahu aplikasi OSS,” katanya semasa merasmikan program Open Source Day di sini.



*Para peserta sedang mendengar ceramah yang disampaikan di Dewan Kuliah Utama, FSKTM.*

Sementara itu pelajar tahun pertama FSKTM, Inani Zaraie, 20, berkata beliau banyak mendapat maklumat berkaitan OSS kerana tidak mengetahui kebenarannya sebelum ini.



*Pelajar tahun pertama FSKTM, Inani Zaraie.*

"Bengkel-bengkel yang dijalankan banyak membantu dalam pelajaran saya seperti Bengkel Perisian Ubuntu kerana ia selari dengan program yang saya ambil sekarang," katanya.

Pelajar tahun kedua FSKTM, Mohd Razak Noor Aini, 24, pula berkata program itu memberi peluang pada pelajar tahun akhir untuk lebih bersedia sebelum melangkah ke alam pekerjaan.



*Pelajar tahun kedua FSKTM, Mohd Razak Noor Aini.*

"Saya berharap agar program ini dapat dikembangkan kepada semua fakulti lain supaya

semua pelajar dapat merasai pengalaman ini," katanya.

Program yang dianjurkan bersama oleh FSKTM dengan syarikat BT Frontline dan Sun Microsystems menyediakan bengkel seperti Operating System Solaris 10, Desktop Tools-Virtual Box dan Ubuntu Server-LAMP.

**Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Hazwan Faisal Mohamad)**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia